

29/01/2005

Mahathir-Aman

DUNIA HARI INI MASIH PRIMITIF, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata dunia hari ini masih primitif kerana ia menyelesaikan masalah dengan berperang dan membunuh sesama sendiri, "sekaligus ia tidak menggambarkan minda yang bertamadun".

Menurutnya dalam sejarah suatu ketika dahulu, mereka menyelesaikan masalah dengan berperang yang membabitkan tentera sahaja, namun dalam dunia hari ini ramai orang awam yang turut sama terbabit dalam kancah peperangan.

"Walaupun dapat menggugurkan bom dengan lokasi yang tepat, ia masih boleh tersasar daripada tentera lalu terkena orang awam, dan apabila ia berlaku, mereka katakan orang awam adalah mangsa keadaan yang tidak dapat dielakkan (collateral)," katanya dalam ucapan terima kasih yang disampaikan selepas menerima anugerah "Rotary Centennial Visionary Leadership Award" bagi perkhidmatannya kepada kemanusiaan dan keamanan daripada Kelab Rotari Malaysia, atau dikenali sebagai Rotary International District 3300 di sini malam tadi.

Anugerah itu disampaikan kepada Dr Mahathir oleh bekas Presiden Rotary International, Bhichai Rattakul, yang juga merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri Thailand pada majlis makan malam anjuran Kelab Rotary Damansara-West.

Anugerah itu disampaikan kepadanya sempena sambutan Rotary International Centennial tahun ini, dan ia dihadiri oleh lebih 600 jemputan dari 40 Kelab Rotari, termasuk dari Singapura, Thailand dan India.

Beliau berkata dunia memerlukan orang yang berminat tentang kebajikan orang ramai, terutama mereka yang miskin dan terjejas oleh bencana alam seperti mangsa gempa bumi dan tsunami baru-baru ini.

"Walaupun mereka (ahli politik) turut membantu berusaha mengatasi masalah ini, tapi mereka menghabiskan banyak wang untuk mencipta mesin pembunuh yang lebih berkesan," katanya.

Dalam usaha untuk mewujudkan dunia lebih aman, Dr Mahathir menggesa anggota Kelab Rotari supaya tidak membataskan aktiviti mereka kepada hanya untuk memberikan perkhidmatan semata-mata, tapi juga untuk mendidik orang ramai, terutama golongan muda tentang aktiviti-aktiviti sedemikian.

Beliau berkata sekiranya lebih ramai orang terbabit dalam perkhidmatan kemasyarakatan, ia akan membantu untuk membina dunia yang aman dan mengurangkan peperangan.

"Anggota Kelab Rotari belum pernah gagal untuk bekerja keras bagi membina masyarakat dan memberikan perkhidmatan kepada komuniti, berbanding dengan ahli politik yang berbuat sesuatu yang benar-benar bertentangan, dengan mencipta peperangan dan membunuh dalam usaha menyelesaikan masalah dalam masyarakat manusia," katanya.

Dr Mahathir yang pernah menjadi anggota Kelab Rotari Alor Setar pada tahun 1963, secara berjenaka berkata tempoh keanggotaan beliau yang singkat dalam kelab itu telah berjaya menjadikan beliau sebagai "ahli politik yang aman".

-- BERNAMA

HK ISA AZH